

Percepatkan CF kepada penduduk Putrajaya — PM

UM - 4 NOV 2001

PUTRAJAYA 3 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu pihak berkuasa mempercepatkan pemberian Sijil Layak Menduduki (CF) kepada penduduk Putrajaya yang masih gagal menduduki rumah mereka walaupun ia telah lama siap.

Menurut Perdana Menteri, beliau sebenarnya hairan dengan kelewatan itu yang menyebabkan pusat pentadbiran kerajaan tersebut menghadapi kekurangan penghuni.

Katanya, isu kelewatan pengeluaran CF itu dikesan apabila beliau sendiri bertanya kepada pegawai pengirangnya mengapa dia masih belum dapat menduduki rumahnya.

“Saya tanya kenapa dia tidak duduk lagi rumahnya yang telah lama dibina dan dia menjawab belum dapat CF lagi.

“Oleh itu, saya ingat ramai penduduk di sini belum dapat CF. Jadi, kalau rumah dah siap, tolonglah percepatkan pengeluaran CF,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2001 di sini hari ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, beliau bagaimanapun tidak berpendapat bahawa kelewatan itu disebabkan kerenah birokrasi.

Ini kerana, banyak rumah dibina di Putrajaya dan sudah tentu proses memeriksa setiap rumah memakan masa lama.

Ditanya sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu meng-

ambil tindakan segera menyelesaikan perkara ini, beliau berkata: “Sesiapapunlah yang bertanggungjawab”.

Terdahulu dalam ucapan nva. Dr. Mahathir berkata, beliau ingin melihat Putrajaya didiami ramai penduduk.

Secara berseloroh, beliau berkata: “Saya rasa sunyi kerana saya ada di sini awal-awal lagi. Selepas (bekas) Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ah, saya adalah penghuni kedua di Putrajaya”.

Tambah Dr. Mahathir, beliau diberitahu oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman bahawa pengundi di Putrajaya cuma berjumlah 28 orang.

“Dan kita bagi seorang wakil rakyat untuk 28 orang. Kata Abdul Rashid, ini baik sebab bila (SPR) bagi senarai pengundi, tidak banyak yang komplek,” seloroh Dr. Mahathir.

Hubungan

Apa pun, beliau berharap lebih banyak orang pindah ke Putrajaya kerana jumlah yang ramai akan mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama mereka.

“Bukan sahaja kita boleh adakan hari keluarga seperti hari ini tetapi ada peluang menziarahi antara satu sama lain.

“Ini baik kerana tidak banyak negara yang ada sebuah bandar untuk memerintah (*administrative city*)”.

Lebih 1,000 kakitangan bersama kaum keluarga masing-masing memeriahkan Hari Keluarga JPM itu yang julung kali diadakan di sini.

Sempena majlis itu, Dr. Mahathir turut meluangkan masa melawat gerai pameran Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta beberapa gerai makanan di situ.